

Perletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dinafi

SAYA DI SISI PM — MUSA

KUALA LUMPUR 6 Julai — Datuk Musa Hitam hari ini menafikan bahawa beliau telah meletak jawatan dengan berkata: "Saya tetap di samping Perdana Menteri."

Ketika menghadiri sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini, Datuk Musa yang duduk di sebelah Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menolak khabar khabar angin berhubung dengan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Bila ditanya oleh para wartawan sama ada benar beliau telah meletakkan jawatan, Datuk Sri

7 JUL 1985

Oleh
**Sidek Salleh, Razak Rashid
Ghows, Kamal Zailani**

Dr. Mahathir terus menoleh ke kanan dan bertanya Datuk Musa, "benarkah? (letak jawatan)."

Datuk Musa secara spontan berkata: "Saya masih tetap berada di samping Perdana Menteri."

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri berkata bahawa sudah menjadi lumrah dalam sesebuah masyarakat akan timbul fitnah tentang perkara-perkara tertentu dan beliau sendiri sering menjadi sasaran.

Menurutnya, kadang-kadang ada orang-orang tertentu yang tidak ada kerja lain suka menveharkan cerita-cerita karut.

Cerita-cerita itu, tambah beliau, banyak berkisar kepada persoalan hubungan di antara pemimpin dengan pemimpin.

"Ada yang kata kononnya saya tidak bertegur-sapa dengan (Datuk) Musa, Musa dan Ku Li berusaha untuk jatuhkan saya dan sebagainya.

"Kadang-kadang ada juga cerita mengenai soal peribadi seperti kononnya saya ada dua isteri, saya kahwin di luar negeri dan dapat dua orang anak dan lain-lain," kata beliau memberi contoh.

Perdana Menteri menegaskan bahawa gejala penyebaran khabar-khabar angin adalah tidak sihat kerana ia boleh menjejaskan kedudukan pelaburan dan pasaran saham di negara ini.

Datuk Musa Hitam juga sebelum itu telah dengan secara berseloroh mengucapkan kesyuku-

LIHAT MUKA 13

Saya di sisi PM - Musa

rannya di depan para pemberita kerana masih menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau juga mengucapkan Selamat Hari Raya berkali-kali kepada para pemberita sambil melambai - lambaikan tangannya ketika keluar dari bilik mesyuarat di Ibu Pejabat UMNO tengah hari ini sebagai menandakan kehadirannya yang sekali gus mengeneipkan khabar - khabar angin.

Sementara itu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menolak anggapan kononnya kerajaan terlalu berahsia dalam isu - isu tertentu dan menegaskan bahawa ia tidak akan menyembunyikan sesuatu melainkan un-

tuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Menurut beliau, pada suatu ketika apabila sesuatu perkara tidak lagi menjadi masalah, kerajaan boleh mendedahkan apa saja tindakan yang telah diambil.

Presiden UMNO berkata, kerajaan tidak akan mendedahkan sesuatu semata - mata kerana mahu mendedahkannya.

"Kita tidak mahu terperangkap dengan cara yang dibuat oleh setengah - setengah negara Barat hingga boleh memudaratkan diri mereka sendiri dan kita tidak akan menyembunyikan sesuatu melainkan ada sebab dalam usaha kita (kerajaan) untuk menyele-

shikan suatu masalah," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas anggapan baru - baru ini kononnya kerajaan terlalu merahsiakan tindakan-tunduknya menyebabkan timbul khabar - khabar angin dan "cakap - cakap" di kedai kopi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn dalam satu kenyataannya kepada para pemberita Rabu lalu telah meminta kerajaan supaya jangan terlalu berahsia dalam beberapa perkara tertentu untuk menghapuskan 'krisis keyakinan' yang sedang melanda negara.

Ekoran darinya timbul

pelbagai khabar angin mengenai pucuk pimpinan negara dan institusi kewangan tempatan.

Dalam reaksinya hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak nampak ada perkara yang kerajaan mengambil sikap berselindung.

"Tidak ada apa yang boleh dibuka tidak terbuka," kata beliau dan menambah bahawa semua kerajaan mempunyai perkara - perkara tertentu yang terpaksa dirahsiakan.

Katanya, di negara ini pun ada perkara - perkara yang perlu dirahsiakan, sebab itulah wujud Akta Rahsia Rasmi.